

## ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT BAJAU KOTA BELUD, SABAH: PENILAIAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

### *MARRIAGE CUSTOMS OF THE BAJAU COMMUNITY OF KOTA BELUD, SABAH: EVALUATION FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE*

Azmin Pullong<sup>1</sup>  
Saifulazry Mokhtar<sup>2\*</sup>  
Mohd Nur Hidayat Hasbollah<sup>3</sup>  
Mohd Sohaimi Esa<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah Kampus Tawau. (azminpullong@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. (saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah. (mnhidayath\_h@ums.edu.my)

<sup>4</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. (msohaimi@ums.edu.my)

#### Article history

Received date : 20-6-2022

Revised date : 21-6-2022

Accepted date : 19-9-2022

Published date : 6-10-2022

#### To cite this document:

Pullong, A., Mokhtar, S., Hasbollah, M. N. H., & Esa, M. S. (2022). Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah: Penilaian Dari Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 283 - 294.

**Abstrak:** Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah terkenal sebagai sebuah bangsa yang kaya dengan khazanah adat budaya. Pengamalan sesebuah adat dipelihara secara konsisten bagi mengekalkan keasliannya sebagai tatapan generasi mendatang. Kelestarian ini didorong oleh solidariti para pendukungnya tidak kira generasi tua atau pun muda. Dalam konteks adat perkahwinan, masyarakat Bajau juga mengaplikasikan adat-adat perkahwinan yang lazim diamalkan oleh masyarakat Melayu dan beberapa etnik lain di Sabah. Namun terdapat beberapa amalan adat yang eksklusif diamalkan yang menarik untuk ditonjolkan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji adat perkahwinan masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Seterusnya, analisis dari perspektif Islam akan dilakukan bagi menentukan status adat sama ada ia selaras dengan agama atau pun sebaliknya. Kajian ini tampil sebagai panduan masyarakat dalam menepis sebarang amalan yang bercanggah dengan Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengaplikasikan kaedah temu bual dan observasi (pemerhatian turut serta) sebagai medium pengumpulan data secara autentik. Informan dipilih berdasarkan kearifan dan pengalaman luas berkaitan adat perkahwinan dalam masyarakat Bajau di Kota Belud. Terdapat lima buah kampung yang dipilih atas justifikasi kepadatan penduduk Bajau di kawasan terbabit. Kajian ini mendapati adat perkahwinan Bajau masih mengandungi amalan-amalan bertentangan dengan Islam. Amalan ngerasi dan aplikasi kandungan perlu kepada ubah suai agar ia selari dengan syarak. Bagi amalan adat yang dibolehkan, ia perlu disuburkan sebagai sebuah adat budaya yang bernilai untuk tatapan generasi akan datang.

**Kata Kunci:** Perkahwinan, Bajau, Syarak, Kota Belud, Sabah

**Abstract:** *The Bajau community of Kota Belud is known as a nation rich in cultural treasures. The practice of a custom is consistently preserved to maintain its authenticity as a view of future generations. This sustainability is driven by the solidarity of its supporters regardless of the older or younger generation. In the context of wedding customs, the Bajau community also applies wedding customs that are commonly practiced by the Malay community and some other ethnicities in Sabah. However, there are some exclusive custom practices that are practiced that are interesting to highlight. The aim of this study was to examine the marriage customs of the Bajau community of Kota Belud, Sabah. Next, an analysis from the perspective of Islam will be carried out to determine the status of the custom whether it is in line with the religion or otherwise. This study appears as a guide for the community in rejecting any practices that contradict Islam. This study is a qualitative form that applies the interview and observation method (observation to participate) as an authentic data collection medium. The informant was selected based on the wisdom and extensive experience of marriage customs in the Bajau community in Kota Belud. There are five villages selected for the justification of the density of the Bajau residents in the area. This study found that the custom of Bajau marriage still contains practices contrary to Islam and it is necessary to modify it so that it is in line with syarak. For the custom practice to be allowed, it should be nourished as a custom of value for future generations.*

**Keywords:** *Marriage, Bajau, Syarak, Kota Belud, Sabah*

---

## **Pengenalan**

Setiap suku bangsa memiliki adat budaya yang dijunjung tinggi para warganya. Implementasi secara konsisten terhadap adat budaya adalah lambang keutuhan solidariti sesebuah generasi. Berdasarkan fakta sejarah, landskap akidah masyarakat nusantara suatu ketika dahulu dicorakkan oleh beberapa sistem kepercayaan. Secara kronologinya, sistem kepercayaan mereka diwarnai oleh kepercayaan animisme yang menganggap semua benda atau objek yang wujud mempunyai roh, semangat dan karekturnya yang tersendiri (Nurdeng, 2010). Dalam pada itu, mereka berkeyakinan bahawa alam ini turut dihuni dan dikuasai oleh makhluk *supernatural* yang dipercayai mampu memberi pelbagai pengaruh kepada manusia. Seluruh kejadian yang menimpa manusia dipercayai mempunyai kaitan langsung dengan makhluk terbabit. Impaknya, muncul pelbagai pantang larang, ragam penyeruan dan pemujaan roh serta semangat (Skeat, 1990). Fenomena ini tampak sebagai sebahagian daripada pemandu cara hidup masyarakat tradisional suatu ketika dahulu. Kemudian, penerimaan agama Hindu dalam kehidupan masyarakat tradisional memperlihatkan adaptasi positif sekali gus memperkukuhkan keyakinan lama mereka. Situasi ini terhasil lantaran wujudnya persamaan kepercayaan animisme dan Hinduisme yang mengakui dua entiti yang difahami secara sama iaitu konsep roh dan dewa Hindu (Endicott, 1970). Keserasian hasil adaptasi ini bertahan dalam jangka masa yang agak panjang dan memberi kesan dalam landskap kehidupan masyarakat tradisional. Dalam kerancangan ini, muncul pula agama Islam yang memperkenalkan kepercayaan baharu. Islam dilihat sebagai agama dominan sekali gus merubah landskap beragama mereka. Walaupun begitu, pengamalan adat dan kepercayaan lampau (animisme dan Hinduisme) masih tersisa dalam kehidupan mereka (Ali, 1975). Tuntasnya, di samping menjunjung Islam sebagai agama anutan, aplikasi tradisi lampau masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Situasi ini turut berlaku dalam konteks adat perkahwinan masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Walaupun Islam telah lama dipegang, pengamalan adat dan kepercayaan warisan masih lestari diamalkan. Oleh yang demikian, tulisan ringkas ini menumpukan beberapa adat perkahwinan Bajau yang dianalisis berdasarkan perspektif Islam. Tindakan sedemikian sangat penting bagi

memberi penjelasan berhubung statusnya dari sudut pandang Islam sekali gus langkah awal dalam menangani gejala salah laku syirik, bid'ah dan khurafat dalam masyarakat Islam.

### Kajian Lepas

Kajian berkaitan adat budaya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Sabah telah banyak dilakukan. Kajian yang dilaksanakan secara umumnya memberi fokus kepada pemaparan sesebuah adat budaya sesebuah bangsa antaranya adat kelahiran, perkahwinan dan kematian serta pelbagai adat kepercayaan lain. Dalam konteks adat perkahwinan, terdapat beberapa kajian yang boleh diketengahkan dalam sorotan ringkas ini. Kajian Mahali, (2013) yang bertajuk *Adat Perkahwinan etnik Bajau Pantai Barat: Satu Pandangan Dini dari Dimensi Tradisional dan Moden* membincangkan perkahwinan komuniti Bajau di pantai barat Sabah dari dua dimensi berbeza iaitu tradisional dan moden. Menurutnya, terdapat transisi baharu dari aspek fizikal dan mental yang sedang dialami oleh kelompok Bajau. Walaupun transisi tersebut tidak melibatkan keseluruhan adat, namun wujud perubahan yang disesuaikan dengan kehendak semasa. Kebanyakan kelompok muda Bajau cenderung untuk melakukan perubahan tersebut agar ia selari dengan peredaran zaman. Perubahan ini sukar untuk dihalang. Terkadang sesetengah adat perkahwinan tidak lagi relevan diamalkan di zaman moden ini. Di samping itu juga, perubahan perlu dilakukan bagi memberi kemudahan dan keselesaan pihak yang terlibat. Seterusnya kajian Mahali (2014) bertajuk *Berian/Barian Perkahwinan Bajau Kota Belud di Sabah: Satu Tinjauan Dini* memerihalkan *berian* dalam adat perkahwinan masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Menurutnya, masyarakat Bajau amat mementingkan *berian* dalam adat perkahwinan mereka. Ia merupakan satu keutamaan yang perlu disepakati oleh kedua-dua pihak sebelum proses perkahwinan dilangsungkan. Perbincangan dan kesepakatan bersama perlu dicapai semasa proses peminangan. Seandainya kata sepakat tidak dicapai, proses peminangan dan perkahwinan mungkin akan terjejas dan menimbulkan rasa kurang selesa antara kedua belah pihak. Dalam kajian beliau, beliau memaparkan *berian-berian* yang perlu dipersembahkan mengikut status kedudukan sosial seseorang. Hal ini kerana, masyarakat Bajau Kota Belud terkenal dengan komuniti yang amat mementingkan stratifikasi sosial yang terwaris dari generasi terdahulu dan disepakati sekian lama. Struktur sosial ini sukar untuk digugat pelestariannya lantaran ia telah bertapak kukuh dan menjadi lambang keutuhan solidariti pendukungnya.

Kajian Sintian (2015) yang bertajuk *Perkahwinan Etnik Kadazan Dusun Tradisional: Suatu Perjalanan Adat* memerihalkan berkaitan adat perkahwinan komuniti Kadazan Dusun beberapa daerah di Sabah. Kajian ini bertujuan mengkaji amalan *mongoi panau* iaitu sesebuah adat tradisional iaitu rombongan menjemput pengantin wanita ke rumah pengantin lelaki. Selain itu, kajian ini cuba meneliti adat *miohon pinisi* atau bertukar makanan iaitu nasi kepal antara dua pihak lelaki dan perempuan. Kedua-dua adat tersebut masih lestari diamalkan dalam masyarakat Kadazan Dusun. Menurutnya, kedua-dua adat ini perlu dilaksanakan bagi menjamin keharmonian dalam rumah tangga. Perjalanan adat *mongoi panau* dan *miohon pinisi* diiringi dengan lantunan puisi-puisi tradisional dan beberapa mantera khusus sebagai memenuhi tuntutan adat.

Kajian Marinsah (2017) yang bertajuk *Unsur Sinkretisme dalam Urf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam* membincangkan secara terperinci pelbagai adat dalam kitaran hidup manusia iaitu adat kelahiran, perkahwinan dan kematian serta beberapa adat kepercayaan tradisi masyarakat Bajau. Adat-adat tersebut dikaji dan dianalisis berdasarkan pandangan syarak bagi mengetahui status sama ada ia dibenarkan atau sebaliknya. Dalam Kajian ini, beliau mendapati masyarakat Bajau masih mengamalkan adat-adat

tradisional yang bercanggah dengan Islam. Kendati pun begitu, mereka mengamalkan pelbagai adat yang dilihat mesra syariat yang lahir daripada kesedaran kearifan tempatan masyarakat Bajau.

Kajian Pullong (2020) yang bertajuk *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam* turut membincangkan hal yang sama iaitu penilaian pelbagai adat terutamanya dalam kitaran hidup manusia iaitu adat kelahiran, perkahwinan dan kematian serta beberapa kepercayaan lain. Dalam kajian beliau, masyarakat Bajau masih mengamalkan adat-adat tradisi lama yang bercanggah dengan Islam walaupun bukan secara keseluruhannya. Kajian beliau mengetengahkan status pengamalan adat sama ada dibenarkan syarak atau sebaliknya. Amalan adat yang bercanggah dicadangkan pengubahsuaian agar pelaksanaan adat harmoni dan mesra syariat. Beliau menyediakan model dakwah yang bersesuaian sebagai rujukan kepada pelbagai pihak yang ingin mendekati masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah.

Kajian Buntung dan rakan-rakan (2020) yang bertajuk *Kontradiksi Antara Adat dan Syariat dalam Amalan Perkahwinan Masyarakat Murut Tahol di Daerah Nabawan, Sabah* memerihalkan beberapa adat perkahwinan yang dianalisis bagi mengetahui status sama ada ia dibenarkan syarak atau sebaliknya. Dalam kajian beliau, terdapat dua bentuk perkahwinan masyarakat Murut Muslim Nabawan iaitu berdasarkan syariat dan berasaskan adat. Beberapa adat perkahwinan yang dilihat menepati syariat Islam seperti adat merisik, pemberian hadiah, pembayaran berian sampai mati dan poligami. Manakala adat yang bertentangan antaranya adat pertunangan angkat, perkahwinan antara sepupu dan ketetapan *sogit*.

### **Metodologi Kajian**

Secara asasnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data. Untuk pengumpulan data di peringkat awal, kajian kepustakaan diaplikasikan bagi tujuan sorotan literatur. Selain itu, aplikasi kajian lapangan diperlukan terutamanya kaedah temu bual dan observasi (pemerhatian turut serta). Kaedah temu bual bersesuaian kerana merupakan pendekatan secara langsung bagi memudahkan proses memperolehi data dari informan (Long, 2011). Temu bual mempunyai kelebihan yang tersendiri iaitu memberi keanjalan kepada pengkaji dalam menyentuh isu yang hendak diterokai. Dalam kajian ini, temu bual difokuskan kepada individu penting yang disifatkan sebagai pembawa adat terutamanya, ketua kampung, ketua adat, imam kampung, ketua anak negeri dan generasi tua yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai adat Bajau. Soalan temu bual dalam bentuk tidak berstruktur digunakan bagi memberikan keanjalan dan kebebasan kepada informan dalam memberi maklumat. Demikian dengan observasi, ia diaplikasikan bagi memastikan sesebuah data diterima bersifat autentik. Dengan pendekatan pemerhatian turut serta, pengkaji mampu menggambarkan situasi sosial sesebuah masyarakat yang sedang dikaji secara lebih mendalam. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengambil pendekatan meminta para informan memaklumkan jika terdapat upacara mahupun ritual berkaitan isu yang dikaji.

### **Perbincangan**

Perkahwinan masyarakat Islam di Sabah sememangnya memperlihatkan kepelbagaian. Secara mudahnya, setiap kumpulan etnik tampil dengan adat-adat perkahwinannya yang tersendiri. Demikian dengan masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Secara umumnya, komuniti Bajau juga mengamalkan adat-adat perkahwinan yang lazim diaplikasikan oleh masyarakat Melayu. Namun, terdapat beberapa adat yang terlalu mementingkan adat istiadatnya yang menyelitkan pelbagai peraturan dan variasi kepercayaan tradisional. Situasi ini seolahnya mengundang persoalan dalam konteks agama, adakah ia dibenarkan syarak mahupun sebaliknya. Kajian ini

mengetengahkan beberapa adat perkahwinan masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah yang meliputi aspek pelaksanaan atau ritual, tuntutan sosial mahupun kepercayaan.

### *Adat Ngerasi*

Umumnya, perkahwinan yang bahagia lahir daripada keserasian yang baik. Semua ibu bapa semestinya mengimpikan menantu yang mampu memimpin anak mereka dalam alam perkahwinan. Dalam adat tradisional Bajau, aplikasi meramal jodoh masih diamalkan yang dikenali sebagai adat *ngerasi*. Adat ini merupakan amalan tegar suatu ketika dahulu dan sinonim dalam proses pemilihan jodoh oleh para ibu bapa. Dari konteks bahasa Bajau, *ngerasi* bermaksud mencari keserasian. Ia difahami sebagai satu tindakan meramal pasangan berdasarkan perkiraan huruf pada nama mereka. Ilmu ramalan ini diambil dari kitab *Taj al-Muluk* yang dianggap sebagai kitab warisan ulama terdahulu dan diyakini autoritinya dalam kalangan generasi tua Bajau. Menurut kepercayaan mereka, amalan *ngerasi* perlu dilakukan bagi mencari kesepadanan yang baik sebelum mendirikan rumah tangga. Berdasarkan *ngerasi*, seseorang mampu mengetahui nasibnya sama ada baik atau buruk di alam perkahwinannya. Sebelum peminangan, proses *ngerasi* dilakukan terlebih dahulu. Jika keputusannya memberikan jawapan yang baik, maka proses peminangan akan diteruskan. Namun jika sebaliknya, peminangan akan dibatalkan.

Menurut Musib (2016), amalan *ngerasi* boleh dilakukan sesiapa sahaja dengan syarat ia mengetahui konsep perkiraannya. Kesepadanan dan keserasian yang baik mampu menatijahkan kehidupan rumah tangga yang harmoni, bahagia, kemurahan rezeki, usia yang panjang dan jodoh yang berkekalan. Manakala *ngerasi* yang negatif bakal menatijahkan rumah tangga yang porak poranda, pergaduhan, penderitaan, penceraian dan kematian. Pelaksanaan *ngerasi* cukup mudah dan sebaiknya dilakukan oleh individu yang berpengalaman. Menurut Kassim (2016), amalan *ngerasi* cukup sinonim suatu ketika dahulu. Perkiraannya perlu mengikut rumus khusus yang terdapat dalam kitab *Taj al-Muluk* berdasarkan baris setiap huruf yang telah ditetapkan jumlahnya. Huruf yang berbaris atas dijumlahkan dengan tujuh, baris bawah dijumlahkan lima dan baris hadapan dijumlahkan dengan sembilan. Menurut Aminah (2016), proses *ngerasi* lazimnya menggunakan biji jagung, batang lidi dan batu kecil. Ia dimulakan dengan proses menghitung dan menjumlahkan huruf pada nama pasangan berdasarkan rumus yang sedia ada. Setelah mendapat jumlah, akan dilakukan penolakan dengan nombor ganjil sama ada tiga atau lima secara berterusan. Jika hasil penolakan tersebut berbaki tiga, petandanya pasangan tersebut adalah serasi dan diramalkan kehidupan alam perkahwinan pasti bahagia dan berkekalan hingga ke hujung nyawa. Namun, jika hasil penolakan berbaki dengan jumlah yang genap, isyaratnya adalah negatif dan besar kemungkinan peminangan akan dibatalkan. Jika diteruskan, diramalkan pasangan akan berdepan kehidupan rumah tangga yang mencabar seperti penceraian.

Menurut Kassim (2016), pengamalan adat *ngerasi* hari ini semakin pupus. Namun, masih terdapat individu-individu tegar yang melestarikannya. Menurutnya, kehidupan moden serba canggih hari ini menyebabkan pengamalan *ngerasi* semakin terbantut. Kecanggihan dan kemudahan alat telekomunikasi moden memudahkan proses perkenalan dan percintaan dalam kalangan anak muda. Secara mudahnya, ibu bapa hari ini juga lebih terbuka dalam soal pemilihan jodoh dengan memberi pilihan kepada anak untuk menentukan siapa jodoh mereka. Dalam kepercayaan tradisional Bajau juga, pemilihan hari peminangan dan perkahwinan turut diberi perhatian. Mereka sedaya upaya mengelak untuk melangsungkan sebarang upacara tertentu terutamanya dalam bulan Muharam dan Safar. Jika terpaksa sekali pun, tarikh 1 hingga 10 Muharam dan 1 hingga 3 Safar perlu dielakkan. Dalam kepercayaan mereka, bulan Muharam

dan Safar dianggap sebagai bulan nahas. Dua bulan ini dikatakan sebagai bulan yang banyak berlaku musibah dan malapetaka. Bagi pendukung amalan ini, mereka sering kali merujuk kitab *Taj al-Muluk* dalam menentukan hari-hari yang ideal bagi melangsungkan sebarang upacara tertentu. Kaedah dan cara pemilihan hari yang baik dimuatkan dalam sumber terbahit.

### **Adat Mas Kahwin**

Dalam Islam, mas kahwin merupakan kewajipan yang perlu diberikan suami kepada isterinya. Dalam konteks negara kita, penetapan nilai mas kahwin telah pun ditentukan oleh pihak jabatan agama setiap negeri. Meneliti penetapan nilai mas kahwin dalam konteks masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah, penentuannya telah menjadi kesepakatan sosial sejak sekian lama. Nilai mas kahwin disepakati secara umum mengikut stratifikasi Bajau sekali gus tampil sebagai peraturan sosial di Kota Belud. Ia ditentukan oleh pihak mahkamah anak negeri dengan nilai yang tetap dan konsisten. Sebarang pelanggaran dan keingkaran dalam pematuhannya bakal berdepan tindakan denda oleh pihak mahkamah anak negeri. Di Kota Belud, terdapat beberapa kadar mas kahwin yang ditetapkan bergantung kepada kelompok mahupun keturunan seseorang dalam susun lapis organisasi sosial Bajau. Kadar mas kahwin bagi wanita yang berketurunan *datu'* atau *jomo sepuh* adalah RM 300. Manakala bagi mereka yang berketurunan *jomo siam* dan *wau'* adalah RM 200. Orang kebanyakan RM 140 dan diikuti kelompok pemastautin daerah adalah RM 100. Menerusi penetapan ini, seseorang tidak boleh sesuka hati menaikkan kadar terbahit. Menurut Kasim (2016), penetapan kadar mas kahwin dalam konteks warga Bajau di Kota Belud membuktikan keseriusan pihak berwajib khususnya mahkamah anak negeri dalam memelihara dan memartabatkan hak kaum wanita Bajau daripada didiskriminasi golongan tidak bertanggungjawab. Menurutnya lagi, hal ini tiada bezanya dengan penetapan kadar mas kahwin oleh jabatan agama setiap negeri, malah tujuannya adalah sama iaitu memartabatkan golongan yang bergelar wanita.

### **Adat Kindangan**

Di samping pengamalan adat-adat perkahwinan secara inklusif, terdapat sebahagian masyarakat Bajau yang mengamalkan ritual eksklusif yang didorong unsur kepercayaan. Secara mudahnya, pengamalan secara lestari dan konsisten lahir daripada tuntutan kepercayaan yang tampil sebagai pengawal sosial mereka. Adat *kindangan* didukung oleh kelompok Bajau tertentu sahaja yang dipegang sejak turun temurun. Mereka yang berketurunan *kindangan* boleh diketahui dengan memerhatikan pelaksanaan adat perkahwinan mereka. Ini kerana umum diketahui, pemindahan dan pelestarian sesebuah adat mahupun kesinambungan keturunan dihubungkan menerusi perkahwinan. Menurut Jamli (2016), adat *kindangan* yang didukungnya perlu dijaga sebaik mungkin. Ia seolahnya menjadi pengawal sosial dalam keturunannya sejak dahulu lagi.

Terdapat pelbagai adat dan pantang larang yang perlu dipatuhi dalam menjamin kehidupan yang baik. Pengabaian terhadap pengamalan adat *kindangan* bakal menatijahkan pelbagai kesan yang buruk terhadap generasinya. Menurut Majin (2016), bahana pengabaian mahupun pelanggaran pantang larang adat *kindangan* adalah seperti sakit yang berpanjangan, ketumbuhan atau benjolan mendadak di bahagian kepala dan kematian. Seperti yang dibicarakan sebelum ini, pendukung adat *kindangan* diketahui menerusi adat perkahwinan mereka. Terdapat dua adat dasar yang perlu dipegang oleh mereka yang berketurunan *kindangan* semasa upacara perkahwinan dilangsungkan iaitu ritual *ngera'* dan *tinggayun*.

### **Ritual *Ngera*'**

Bagi mereka yang berketurunan *kindangan*, implimentasi adat *ngera*' perlu diambil perhatian serius khususnya bagi yang bakal mendirikan rumah tangga. Perkahwinan diibaratkan sebagai dasar pemindahan adat *kindangan* dari generasi ke generasi. Pelaksanaannya perlu dipatuhi sebaik mungkin agar tidak wujud sebarang mudarat di kemudian hari. Secara terperinci, ritual *ngera*' adalah satu upacara memijakkan kaki ke dalam talam yang berisi darah ayam. Ritual ini memerlukan beberapa peralatan khusus iaitu talam tembaga, parang, darah ayam, tebu manis dan beras kuning. Ritual dimulakan dengan proses penyembelihan ayam dan darahnya perlu ditadahkan ke dalam talam tembaga. Pengantin perlu memijakkan kaki ke dalam talam tembaga dan melumurkannya sehingga ke bahagian buku lali. Pengantin yang membawa adat perlu memijakkan kaki terlebih dahulu dan diikuti pasangannya. Tebu manis perlu dimakan sebagai simbolik kehidupan rumah tangga yang rukun dan damai. Beras kuning akan ditaburkan diakhir upacara sebagai tanda kesyukuran. Menurut Muhammad (2017), Ritual ini perlu dilakukan secara tertib dan mengikut adab-adabnya. Pantang larang semasa ritual berlangsung menuntut pasangan pengantin untuk diam tanpa sebarang kata-kata negatif bagi mengelak sebarang perkara buruk berlaku.

### **Ritual *Tinggayun***

Seusai ritual *ngera*', upacara *tinggayun* akan dilangsungkan. Ritual ini memiliki falsafah yang sama dengan pengamalan ritual *ngera*'. Pelaksanaannya juga adalah simbolik kesinambungan keturunan *kindangan* agar sentiasa terpelihara secara konsisten. Pengabaian dan pengingkarannya bakal menajihkan bahana buruk kepada pengantin mahupun anak-anak mereka. Secara terperinci, *tinggayun* adalah lagu berbentuk pantun yang memerlukan pengantin berpusing beberapa kali diiringi pengendali adat dan para tetamu yang hadir. Jumlah pusingan perlulah ganjil sama ada tiga, lima atau tujuh kali pusingan mengikut kelaziman pengendali adat. Lagu *tinggayun* dinyanyikan dalam bahasa Bajau yang lengkap dengan pembahagian lirik untuk lelaki dan perempuan. Menurut Musib (2016), setiap kelompok yang berketurunan *kindangan* memiliki seni kata *tinggayun* yang berbeza-beza. Terdapat lirik yang terlalu panjang dan perlu diulang beberapa kali dan ada juga terlalu ringkas bergantung kepada tuntutan adat *kindangan* mereka. Pelaksanaan *tinggayun* dilihat seolah-olah upacara santai, namun di sebalik pengamalannya menyimpan makna implisit kepada kelangsungan keturunan *kindangan*. Lazimnya, jika pengantin lelaki sebagai pembawa adat *kindangan*, maka pelaksanaan *tinggayun* dilangsungkan pada hari persandingan pihak lelaki dan demikian sebaliknya.

### **Pantang Larang *Kindangan***

Adat *kindangan* turut mempengaruhi kehidupan seharian generasi pendukungnya. Ia tampil sebagai kawalan sosial dalam menjamin kehidupan yang harmoni. Pelbagai pantang larang yang semestinya diambil perhatian serius terutamanya dalam konteks hubungan kekeluargaan. Tutur kata mahupun perilaku perlu dijaga sebaik mungkin. Suami sebagai ketua keluarga dilarang tegas bertindak kasar apatah lagi mencederakan isteri dan anak-anaknya. Situasi ini boleh mengakibatkan kesan buruk kepada mereka. Lazimnya, kesan dari tindakan suami adalah isteri atau anak-anak akan ditimpa sakit yang sukar untuk dirawat. Namun, mereka sedia maklum, andai situasi ini berlaku, rawatannya perlu menggunakan seekor ayam. Tindakan ini dipanggil sebagai *ra*'. Seandainya *ra*' tidak dilaksanakan, dipercayai sakit yang dihadapi sukar untuk sembuh. Menariknya, setelah *ra*' dilakukan, sakit akan beransur pulih dan sembuh.

Menurut Musib (2016), mereka yang berketurunan *kindangan* perlu mengelak bahagian tubuh terutamanya kepala dilintasi atau dilangkah ayam. Misalnya, seseorang sedang berbaring di dalam rumah dan tanpa disedari ayam terbang melintasi bahagian kepala, lazimnya ia akan jatuh sakit dan sukar untuk sembuh. Jika terdapat tetamu yang bertandang ke rumah dan secara kebetulan tuan rumah sedang menjamu selera, maka ia perlu melemparkan secebis makanannya kepada tetamu. Andai tindakan ini tidak dilakukan, dibimbangi tuan rumah akan jatuh sakit. Demikian juga jika suami atau isteri yang membawa bayi kecil bertamu ke rumah saudara mara, mereka perlu memberikan sedikit sagu hati kepada bayi kecil tersebut. Seandainya tidak, lazimnya anak tersebut akan jatuh sakit. Kaedah rawatan penyembuhan bagi sakit yang disebabkan pelanggaran pantang larang *kindangan* adalah menerusi perubatan tradisional Bajau iaitu *sagsag* atau *nelus*. Kaedah ini lazimnya digunakan bagi merawat penyakit bawaan makhluk halus. Bagi mereka yang berketurunan *kindangan*, kaedah rawatan perlu menggunakan darah ayam sebagai medium penyembuhan.

### Penilaian Dari Perspektif Islam

Masyarakat Bajau sememangnya kaya dengan warisan adat budaya yang dijulung tinggi sekian lama. Namun, pengamalan adat terbabit terkadang menimbulkan persoalan, adakah ia selari dengan pegangan agama yang memandu kehidupan seorang muslim. Oleh itu, perlu kepada analisis atau penilaian terhadap adat-adat yang diamalkan. Dalam analisis ini, pengkaji mengambil pendekatan dengan membincangkan isu utama dalam sesebuah adat dan seterusnya membentangkan dalil, hujah dan pandangan para ulama muktabar. Dengan tindakan ini, isu yang dibincangkan akan jelas statusnya sama ada selaras dengan pandangan syarak atau pun sebaliknya.

Berkaitan adat *ngerasi*, isu utama yang perlu diperhalusi ialah tindakan meramal nasib seseorang sebelum mendirikan rumah tangga. Menerusi tindakan ini, seseorang mampu mengetahui nasibnya di alam perkahwinannya nanti. Dalam Islam, isu meramal nasib disifatkan sebagai salah laku yang berat. Amalan ini amat ditegah kerana merupakan amalan warisan zaman jahiliyah. Dipaparkan beberapa dalil dan pandangan ulama berkaitan larangan dalam melakukan amalan meramal nasib antaranya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلُمُ رَجَسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ  
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya (Al-Maidah, 90).*

عن قبيصة بن أبي المخارق رضي الله عنه قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه و سلم يقول : العيافة و الطيرة و الطرق من الجبت.

*Maksudnya: Daripada Qubaisah Ibn Abi al-Makhariq berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Iyafah, tiyarah dan turq itu sebahagian daripada sahir. (Riwayat Abu Dawud, No. 3907).*



Menurut al-Dhahabi (2007), *iyafah* merupakan perlakuan meramal nasib seseorang sama ada baik atau buruk menerusi lukisan garis-garis pada tanah. *Tiyarah* adalah tindakan melihat terbangnya arah burung untuk meramalkan sesuatu. Manakala *turq* pula adalah tindakan mengejutkan burung untuk melihat ke mana arah terbangnya. Beliau mengklasifikasikan amalan meramal nasib sebagai dosa besar. Dalam kitabnya *al-Kabair*, isu meramal nasib dibincangkan pada bahagian dosa-dosa besar yang ke 46. Komentarnya berkaitan isu ini seperti berikut:

*Para ulama menyatakan: Jika seorang mengatakan bahawa hujan turun disebabkan oleh bintang-bintang. Dengan makna yang menjadikan hujan itu adalah bintang-bintang tersebut maka dia telah kafir dan murtad tanpa ada keraguan padanya. Namun, jika ia berkata bahawa bintang-bintang itu sebagai petanda hujan akan turun dan hujan akan turun dengan petanda tersebut, Allah yang menurunkan hujan, maka ia tidak dihukumkan kafir. Para ulama berselisih tentang perkara tersebut. pendapat yang paling rajih ialah adalah makruh kerana lafaz itu adalah kata-kata orang kafir.*

Dalam konteks sumber *ngerasi*, ia diambil dari kitab *Taj al-Muluk* yang sinonim dengan ilmu ramalan. Hasil penelitian, sememangnya ilmu berkaitan ramalan jodoh atau *ngerasi* dibincangkan dalam sumber terbitan. Sejak tahun 2007, pihak JAKIM telah menfatwakan pengharaman kitab *Taj al-Muluk* dengan justifikasi bahawa sumber terbitan boleh membawa kepada amalan syirik kepada Allah SWT. Fakta ini dimuatkan dalam buku terbitan JAKIM yang bertajuk *Senarai Judul Buku Berunsur Islam Dalam Bahasa Melayu yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013* (JAKIM, 2013). Selain itu, pada hemat pengkaji, implimentasi *ngerasi* dalam konteks pemilihan jodoh golongan tradisional tidak bersesuaian dengan saranan Islam. Islam telah menyediakan rumus terbaik dalam memilih pasangan hidup berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

تُنكحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعِ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاطْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَاكَ  
*Maksudnya: Dinikahi wanita kerana empat perkara, kerana kekayaannya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka pilihlah dalam hal agamanya, maka beruntunglah tanganmu* (Riwayat al-Bukhari, No. 4802).

Berdasarkan dalil dan pandangan ulama yang diutarakan, jelas menunjukkan amalan *ngerasi* dalam konteks masyarakat Bajau bertentangan dengan Islam. Tiada sandaran kukuh dalam agama yang membolehkan amalan tersebut dilestarikan dalam kehidupan seorang muslim. Berhubung dengan adat mas kahwin dalam konteks masyarakat Bajau, penetapan kadarnya telah pun ditetapkan secara konsisten oleh pihak mahkamah anak negeri. Sebarang pelanggaran bakal berhadapan dengan tindakan denda dari pihak terbitan. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, penetapan kadar mas kahwin adalah bergantung kepada kedudukan seseorang dalam konteks stratifikasi sosial Bajau Kota Belud. Dalam isu ini, ia perlu diperhalusi mengikut ketetapan kadar mahar dalam Islam. Dalam mazhab Shafii, tiada penetapan khusus terhadap kadar mahar. Ia bergantung kepada kemampuan seseorang individu atau melihat kepada sejarah mahar dalam sesebuah keluarga (Sabiq, 1990).

Menurut Imam Shafii, kadar mahar perlu melihat kemampuan dan penerimaan sesebuah kawasan dan sebaiknya tidak melebihi kadar nilai mahar isteri-isteri dan anak-anak Rasulullah SAW (Al-Shafii, 1990). Penetapan istimewa ini dilihat sebagai tanda penghormatan tertinggi kepada Rasulullah SAW sebagai pemimpin. Meneliti penetapan nilai mas kahwin masyarakat Bajau, tiada sebarang pertentangan dengan penentuan kadar mas kahwin dalam Islam.

Terpulang kepada kemampuan dan persetujuan kedua-dua belah pihak. Nilai tertinggi adalah RM 300 bagi mereka berketurunan *datu*. Kadar ini dilihat ideal sifatnya, tidak terlalu tinggi dan telah pun disepakati sejak sekian lama. Dalam konteks stratifikasi sosial Bajau, kelompok *datu* adalah terkenal sebagai golongan pemimpin dan kelompok yang berkemampuan. Penetapan nilai RM 300 adalah bersesuaian dengan status mereka. Ia merupakan satu penghormatan kepada kelompok pemimpin dalam konteks masyarakat Bajau di Kota Belud. Perbezaan nilai mas kahwin perlu dilihat dalam kaca mata positif. Dalam Islam, ia tampil sebagai simbolik pemilihan pasangan yang lebih sekufu agar tidak timbul masalah di kemudian hari. Saranan ini termaktub dalam hadis Rasulullah SAW:

لا تتكحوا النساء الا الاكفاء ولا يزوجهن الا الاولياء

*Maksudnya: Janganlah kamu bernikah dengan wanita melainkan dengan yang sekufu dan janganlah kamu menikahnya melainkan mendapat keizinan daripada walinya (Riwayat Al-Daruqutni, No. 3545).*

Aspek sekufu perlu dilihat dari sudut yang positif. Ia tidak harus ditafsirkan sebagai sebahagian daripada perbezaan darjat atau kasta. Sekufu adalah hak dan kebebasan wanita dan walinya dalam memilih pasangan mereka. Sebagai wali, sudah pasti mereka berasa gembira dengan pemilihan jodoh yang sekufu dengan harapan anak mereka hidup dalam keadaan terjamin seusai pernikahan. Berdasarkan perbincangan di atas, adat mas kahwin dalam konteks masyarakat Bajau di Kota Belud selaras dengan Islam dan wajar dilestarikan sebagai warisan budaya.

Meneliti adat *kindangan*, beberapa isu yang perlu diperhalusi. Pengkaji mengetengahkan tujuan pelaksanaan adat *kindangan* yang disifatkan sebagai pengatur sosial para pendukungnya. Seperti yang telah dibicarakan sebelum ini, pelestarian *kindangan* adalah sebagai penyambung keturunan dan adat, pengabaianya bakal memberi kesan buruk kepada pasangan pengantin atau keturunan mereka. Sebarang amalan yang membentuk kepercayaan mahupun keyakinan adanya pengaruh baik atau buruk dalam kehidupan seseorang adalah menyeleweng dalam Islam. Ia menyalahi konsep qadad dan qadar Allah SWT yang telah ditentukan pada setiap hambanya. Hakikat ini dirakamkan dalam al-Quran seperti berikut:

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّن قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا  
إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

*Maksudnya: Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah (Al-Hadid, 22).*

Dari aspek pelaksanaan adat *ngera*, pengkaji ingin mengetengahkan dua isu iaitu niat penyembelihan dan penggunaan darah sebagai bahan penting dalam adat terbabit. Penyembelihan dalam konteks pengamalan *ngera* bertujuan sebagai medium penyambung adat dan keturunan. Selain itu, ia bertujuan sebagai penyejuk agar tidak berlaku sebarang musibah kepada para pendukungnya. Pelaksanaan penyembelihan adat *ngera* tidak menepati konsep penyembelihan dalam Islam. Niat penyembelihan telah tersasar dan bukan disandarkan kepada Allah SWT. Falsafah penyembelihan dalam Islam bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan sembelihan yang menepati syarak agar ia halal untuk dimakan. Menurut Imam al-Shafiii, sembelihan yang bukan diniatkan kepada Allah SWT dan dilakukan oleh pelaku syirik

adalah haram dan perlu ditinggalkan (Al-Shafii, 1990). Sembelihan yang bukan diniatkan kepada Allah SWT haram dimakan berdasarkan dalil berikut:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذَكَّرْ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ لِيُوحِيَ إِلَيْ  
أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجِدِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ .

*Maksudnya: Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya, kerana sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa) dan sesungguhnya Syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka membantah (menghasut) kamu dan jika kamu menurut hasutan mereka (untuk menghalalkan yang haram itu), sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang musyrik (Al-An'am, 121).*

لَعَنَ اللَّهُ مَنْ ذَبَحَ لِغَيْرِ اللَّهِ وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ أَوَى مُحْدِثًا وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ لَعَنَ وَالِدَيْهِ  
وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ غَيَّرَ الْمَنَارَ

*Maksudnya: Allah SWT melaknat orang-orang yang menyembelih bukan kerana Dia, dan juga melaknat orang-orang yang melindungi kejahatan, melaknat mereka yang menghina kedua orang tuanya, dan melaknat mereka yang memindahkan petanda batas tanah (Riwayat Muslim, No. 3659).*

Penggunaan darah semasa ritual *ngera* adalah menyeleweng dalam Islam. Menerusi kaedah fiqh, asal sesuatu perkara adalah harus. Kaedah ini memberi isyarat bahawa selagi sesuatu itu memberi nilai manfaat, faedah dan khasiat maka, ia dihukumkan sebagai harus. Namun, melihat kepada penggunaan darah dalam konteks adat *ngera*, amalan ini amat bertentangan dengan Islam. Darah adalah najis dan kotor dan lazimnya digunakan sebagai bahan penyeruan syaitan dalam ritual-ritual tertentu. Oleh itu, amalan ini tertolak dan perlu ditinggalkan.

## Kesimpulan

Adat dan budaya merupakan warisan bernilai sesebuah bangsa berbudaya. Namun, pelestariannya perlu kepada nilai harmonisasi dengan agama anutan iaitu Islam. Salah laku amalan adat dalam kalangan masyarakat Islam sememangnya sukar dibendung apatah lagi apabila para pendukungnya bersifat tegar dengan amalan tradisional. Namun, ia tidak bermakna, usaha ke arah penjernihan akidah terus diabaikan. Usaha dakwah dalam penulisan terutamanya berkaitan penerangan status adat budaya sesebuah masyarakat perlu dikembangkan. Dalam konteks adat perkahwinan masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah, pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mendorong ke arah pelaksanaan sesebuah adat perkahwinan mereka iaitu tuntutan kepercayaan dan tuntutan sosial. Adat *ngerasi* dan *kindangan* lestari atas faktor tuntutan kepercayaan yang membelenggu masyarakat. Dengan wujudnya kepercayaan dalam sesebuah adat ditambah dengan elemen ancaman, mendorong para pendukungnya untuk mengamalkan secara tegar dan konsisten. Misalnya, pengamalan adat *kindangan* yang tampil sebagai penyambung keturunan disifatkan sebagai adat yang bahaya dan menggerunkan lantaran momokan bahana yang bakal berlaku seandainya ia diabaikan. Manakala pengamalan adat mas kahwin lestari lantaran wujudnya tuntutan sosial masyarakat Bajau Kota Belud. Ia menjadi kesepakatan bersifat tetap dan konsisten yang diwarisi sejak dahulu. Pelanggaran terhadap ketetapan tersebut mampu merendahkan martabat sesebuah keluarga dalam hubungan sosial di daerah Kota Belud Sabah.

## Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd iaitu Kod Geran TLS2109 yang bertajuk *Modern Trends in Social Sciences*.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Al-Dhahabi, Syamsuddin Muhammad. (2007). *Al-Kabair*. Terj. Abu Zufar Imtihan. Solo. Pustaka Arafah.
- Ali, H. A. (1975). *Malay Peasant Society and Leadership*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Al-Shafii, al-Imam Muhammad bin Idris. (1990). *Al-Um*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Buntung, M., Ramli, M. A., Marinsah, S. A. (2020). Kontradiksi Antara Adat dan Syariat dalam Amalan Perkahwinan Masyarakat Murut Tahol di Daerah Nabawan, Sabah. *Manu*. 31 (2), 47-67.
- Dauraseh, D. (2010). Pandangan Semesta Masyarakat Melayu dari Perspektif Perubatan Tradisional. *International Jurnal of Social Policy and Society*, 7, 80-89.
- Endicott, K. M. (1970). *An Analysis of Malay Magic*: Oxford: Clarendon Press.
- Kassim, A. (2016) *Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. 67 tahun. Kota Belud. Temu bual, 12 April.
- Long, A. S. (2011). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahali, S. N. (2013). Adat Perkahwinan Etnik Bajau di pantai Barat Sabah: Satu Pandangan Dini dari Dimensi Tradisi dan Moden. *Manu*. 19, 41-72.
- Mahali, S. N. (2014). Berian/Barian Perkahwinan Bajau Kota Belud di Sabah. Satu Tinjauan Dini. *Akademika* 84 (3). 3-13.
- Majin, T. (2016) *Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. 67 tahun. Kota Belud. Temu bual, 19 April.
- Marinsah, S. A. (2017). *Unsur Sinkretisme Dalam Uruf Dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Muhammad, S. (2017) *Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. 70 Tahun. Kota Belud. Temu bual, 5 Mac.
- Musib, A. (2016) *Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. 60 tahun. Kota Belud. Temu bual, 14 Mei.
- Pullong, A. (2020). *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Universiti Malaysia Sabah.
- Sayyid Sabiq. (1990). *Fiqh al-Sunnah*. Terj. Mohammad Talib. Jil. 7. Kuala Lumpur: Victoria Agencie.
- Senarai Judul Buku Berunsur Islam Dalam Bahasa Melayu yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013*. (2014). Putrajaya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Sintian, M. (2015) *Perkahwinan Etnik Kadazan Dusun Tradisional: Suatu Perjalanan Adat*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Kadazan Dusun. Tuaran. Julai 2013.
- Skeat, W. W. (1990). *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: The macmilan Company.
- Zaini, J. (2017) *Adat Perkahwinan Masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah*. 68 Tahun. Kota Belud. Temu bual, 10 Januari.